

## Al-Sultan Abdullah mesra santuni rakyat

26 Januari 2019 3:00 AM



Al-Sultan Abdullah yang juga Pemangku Raja Pahang bersalam dengan pemimpin Orang Asli ketika merasmikan Konvensyen Kepimpinan Orang Asli Islam Peringkat Kebangsaan 2018 di Kuantan baru-baru ini.



Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Ahmad Shah Al-Mustain Billah yang dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 mulai 31 Januari ini amat dekat di hati rakyat di negara ini.

Baginda aktif dalam pelbagai persatuan terutamanya dalam sukan bola sepak dan hoki. Kehadirannya di stadium dan acara-acara berkaitan kedua-dua sukan berkenaan membuatkan rakyat mengenali secara lebih dekat lagi.

Keprihatinan Al-Sultan Abdullah juga dapat dilihat dengan jelas apabila setiap kali rakyat ditimpa bencana, baginda dan isteri akan segera mencemar duli untuk bertanya khabar, memberi kata-kata semangat dan mengurniakan sumbangan peribadi.

Justeru, pelantikan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 bagi tempoh lima tahun sesuatu yang amat dinanti-nantikan rakyat.

Mengimbas kembali pelantikan tersebut, ia diadakan berikutan peletakan jawatan Sultan Muhammad V dari Kelantan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 pada 6 Januari lalu setelah dua tahun memerintah.

Menjelaskan kepada *Bernama* baru-baru ini, **Mufti Pahang, Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Osman** berkata, penggunaan perkataan 'Al' di depan nama Sultan Pahang itu adalah mengikut nahu Arab yang tepat.

Abdul Rahman berkata, Al-Sultan Abdullah mempersetujui penggunaan nama itu mengambil kira ketepatan nahu Arab, berbeza daripada kebiasaan orang Melayu yang terus menyebut 'Sultan'.

"Penggunaan 'Al' ini disebabkan nahu Arab seperti perkataan *the* dalam bahasa Inggeris. Abdullah adalah kata nama khas.

"Itu yang dipersetujui Tuanku (cara sebutannya) supaya nahu dalam bahasa Arab juga tepat," katanya.

Abdul Rahman menjelaskan, nama Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang bermaksud 'Sultan Abdullah Pembela Agama Yang Terpilih Oleh Allah' adalah pemilihan baginda sendiri.

#### Peribadi

Menyingkap kehidupan peribadi Al-Sultan Abdullah, Seri Paduka diputerakan pada 30 Julai 1959 di Istana Mangga Tunggal, Pekan, Pahang.

Seri Paduka yang berusia 60 tahun merupakan anakanda keempat daripada tujuh adik-beradik dan putera sulung kepada Sultan Ahmad Shah dan Almarhum Tengku Ampuan Afzan Tengku Muhammad. Baginda adalah Sultan Pahang yang keenam.

Isteri baginda ialah Tengku Ampuan Pahang, Tunku Aminah Maimunah Iskandariah, 59. Hasil perkahwinan baginda dikurniakan empat putera dan lima puteri iaitu Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah, Tengku Puteri Iman Afzan, Tengku Puteri Ilisha Ameera, Tengku Panglima Besar Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah, Tengku Puteri Ilyana, Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah, Tengku Ahmad Ismail Muadzam Shah, Tengku Puteri Afzan Aminah Hafizatullah dan Tengku Puteri Jihan Azizah 'Athiyatullah.

Seri Paduka menerima pendidikan prasekolah di Sekolah Clifford, Kuala Lipis pada tahun 1965, sebelum menyambung persekolahan di Sekolah Kebangsaan Ahmad, Pekan (1966-1969) dan Sekolah Rendah Kebangsaan St. Thomas, Kuantan serta pengajian peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Thomas dari 1970 hingga 1974.

#### Ketenteraan

Baginda kemudiannya berangkat ke Britain untuk meneruskan pengajian di Aldenham School, Elstree, Hertfordshire dan Davies College, London pada 1975 hingga 1977.

Pengajian baginda kemudiannya disambung dalam bidang ketenteraan iaitu di The Royal Military Academy Sandhurst (1978-1979) dan pengajian di Worcester Queen Elizabeth College (1980-1981) sehingga dianugerahkan Diploma Diplomatik dan Hubungan Antarabangsa.

Komitmen baginda dalam bidang ketenteraan terserlah sehingga dilantik sebagai Leftenan Muda, Akademi Tentera Diraja, Sandhurst dengan menerima pentauliahan oleh Queen Elizabeth II pada tahun 1980.

Baginda juga merupakan Kapten bagi pasukan Kor Kavalri Diraja Malaysia dan pada 1 Mei 1999 dilantik menjadi Leftenan Kolonel, Rejimen 505 Askar Wataniah diikuti pangkat Kolonel (1 Jun 2000) serta Brigadier Jeneral pada 1 April 2004.

Pada tanggal 1 Julai 1975, baginda dilantik menjadi Tengku Mahkota Pahang dan dimasyhurkan pada 23 Oktober 1977 di Istana Abu Bakar, Pekan.

Seawal usia 20 tahun, baginda telah dilantik menjadi Pemangku Raja Pahang pada 28 April 1979 untuk tempoh lima tahun iaitu selama tempoh Seri Paduka Ayahanda baginda, Sultan Ahmad Shah menjadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketujuh.

Pada 8 Disember 2016, baginda sekali lagi dilantik menjadi Pemangku Raja Pahang sehinggalah 11 Januari lalu apabila Jumaah Pangkuan Diraja Negeri memutuskan untuk melantik baginda sebagai Sultan Pahang yang keenam.

#### Peminat sukan

Ini menjadikan baginda seorang yang cukup arif dalam selok-belok hal ehwal pentadbiran negeri ditambah lagi telah dua kali dipertanggungjawabkan menjadi Pemangku Raja Pahang sebelum menjadi sultan.

Baginda juga amat meminati bidang sukan dan ketika di Britain, baginda mengetuai pasukan Polo Diraja Pahang dalam perlawanan antarabangsa di Windsor Polo Club.

Seterusnya, baginda mengambil bahagian dalam pertandingan di Singapura, Filipina, Brunei, Argentina, Amerika Syarikat, Sepanyol dan Belgium.

Di peringkat negeri Pahang, baginda menubuhkan pasukan bola sepak sendiri yang dinamakan pasukan Sri Mahkota Alam di Pekan. Al-Sultan Abdullah amat meminati bidang sukan malah sejak kecil lagi baginda sangat aktif dalam sukan seperti permainan hoki, bola sepak, sepak raga dan atas minat serta kebolehan yang ditunjukkan, baginda sentiasa terpilih mewakili sekolah, daerah dan negeri di dalam permainan bolasepak.

Pada masa ini, baginda menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang.

Selain itu, baginda juga merupakan Yang Dipertua Badan Kebajikan Kerabat-kerabat Negeri Pahang, Canselor Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Canselor DRB-HICOM University Of Automotive Malaysia

Dalam arena sukan pula, baginda merupakan Ahli Majlis Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF), Ahli Jawatankuasa Eksekutif FIFA dan pernah menyandang jawatan Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Baginda juga aktif dalam sukan hoki dengan memegang jawatan Presiden Persekutuan Hoki Malaysia, Presiden Persekutuan Hoki Asia dan Ahli Lembaga Eksekutif Persekutuan Hoki Antarabangsa.

Dalam sukan polo pula, baginda merupakan Presiden Persatuan Polo Diraja Malaysia (RMPA), Presiden Kelab Polo Diraja Pahang (RPPC) serta memegang jawatan presiden bagi beberapa sukan lain seperti Kelab Skuasy Pahang (PSC), Kelab Golf Diraja Pahang (RPGC) dan Kelab Menembak Diraja Pahang.

Selain aktif dalam pelbagai sukan dengan menjawat jawatan-jawatan penting, Al-Sultan Abdullah sering mengutamakan rakyat terutamanya mereka yang mengalami musibah.

Tag Berkaitan

Kerajaan    Rencana